

**PEMBERITAHUAN ZON PERLINDUNGAN
(KAWASAN YANG DIISYTIHARKAN DAN SEKATAN) 2009**

1. Diwartakan pada 2 Julai 2009 melalui No. Warta 2171 Tahun 2009
2. Tujuan Zon Perlindungan ini:-
Melindungi rizab sungai, zon penampungan dan alam sekitarnya di jajaran tertentu di Sungai Selangor dalam Mukim Pasangan, Daerah Kuala Selangor, Selangor.
3. Kawasan Zon Perlindungan:-
Kawasan rizab sungai di antara 150 meter sehingga 400 meter kiri dan kanan tebing sungai Selangor serta 20 km ke hulu dan 20 km ke hilir dari jeti Kelip-kelip Kampung Kuantan, Mukim Pasangan Daerah Kuala Selangor yang dilingkungi oleh garisan hitam sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan Sisip 4.7.1.3 Warta No.1676 yang disimpan di Pejabat Majlis Daerah Kuala Selangor.
4. Sekatan umum dan senarai aktiviti yang dibenarkan juga terdapat dalam Warta tersebut dan Garis Panduan yang berkenaan yang disenaraikan seperti berikut.

SEKATAN UMUM	AKIVITI YANG DIBENARKAN
<p>a) Perbatasan ke atas peletakan atau pembinaan mana-mana struktur atau pelaksanaan apa-apa kerja;</p> <p>b) Pembatasan ke atas penggunaan atau penyimpanan apa-apa bahan kimia, termasuklah racun makhluk perosak atau baja;</p> <p>c) Perbatasan ke atas perubahan kontur tanah yang sedia ada termasuk mana-mana penggredan dan pembinaan jalan raya;</p> <p>d) Perbatasan ke atas pembersihan atau penuaian sayuran termasuk penebangan pokok, pembuangan pertumbuhan riparian atau pengaliran tanah perairan; dan</p> <p>e) Perbatasan ke atas pembuangan apa-apa kumbah atau bahan buangan.</p>	<p>1. Pertanian dan Perhutanan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Pertanian organik yang tidak menggunakan baja bahan kimia dan racun perosak. ● Pertanian secara pasif yang tidak bersifat komersial tanpa melibatkan penebangan pokok. ● Aktiviti penanaman semula pokok berembang, nipah, rumbia dan sebagainya tanpa melibatkan penebangan pokok-pokok hutan paya bakau untuk apa-apa tujuan sekalipun. <p>2. Perikanan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Aktiviti menangkap ikan secara tradisional dengan menggunakan bubu, jala, jaring ● dan hanya menggunakan sampan dan bot yang kurang daripada 10GT. <p>3. Eko-Pelancongan dan Rekreasi</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Aktiviti eko-pelancongan secara pasif seperti menjadi pusat kajian kelip-kelip taman hutan, memerhati burung dan aktiviti pendidikan alam sekitar. ● Aktiviti menyusuri sungai dan berkayak dengan menggunakan sampan atau bot yang berkuasa kecil. ● Aktiviti memancing sama ada secara persendirian atau dalam kumpulan yang tidak melebihi 5 orang. <p>4. Aktiviti lain</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Mengikut budi bicara Pengarah LUAS.

Mana-mana orang sebelum melakukan apa-apa aktiviti atau kerja di dalam Zon Perlindungan yang bertentangan dengan sekatan yang ditetapkan, hendaklah memperolehi Kebenaran Bertulis daripada Pengarah Lembaga Urus Air Selangor.